



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**KERATAN AKHBAR  
24 MEI 2019 (JUMAAT)**



DISEDIAKAN OLEH :  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**

AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	2 CLEANERS CLAIM TRIAL TO COMMITTING MISCHIEF BY FIRE
MUKA SURAT	16

HOUSE RAMPAGE

## 2 cleaners claim trial to committing mischief by fire

**KUALA LUMPUR:** Two truck tyre cleaners allegedly involved in a rampage at the house of the Selayang Municipal Council (MPS) enforcement chief, 40, were charged with committing mischief by fire.

Muhammad Yasifullah Abdul Gani, 30, and Muhammad Asyraf Che Khalid, 23, pleaded not guilty to the charge before Selayang Sessions Court judge Rasyidah Ghazali here yesterday.

According to the charge, the duo, together with another person at large, committed the offence with intention to cause damage to MPS enforcement chief Nor Hayati Ahmad's two cars, which resulted in a RM500 loss.

The offence was allegedly committed at the victim's house in Taman Muhibbah, Rawang at 12.44am on May 13.

The charge, under Section 435 of the Penal Code, carries a maximum imprisonment of 14 years and fine, if convicted.

Deputy public prosecutor Nurul Ain Shafie offered RM10,000 bail to each accused.

Counsel Samreer Singh, who represented Yasifullah, and counsel Azman Abdullah, who represented Asyraf, pleaded for a minimum bail to be imposed on their clients as both the accused were supporting their family members with a RM1,600 income per month.

The court allowed the duo RM8,000 bail with one surety each and ordered them to report to the nearest police station on the first day of each month.

The duo were ordered not to make any contact or disturb the victim and witnesses until the disposal of the case. Their case will be up for mention on June 25.

It was reported that a group of men recently went on a rampage at Nor Hayati's house.

They splashed red paint on two of her cars and lit firecrackers that were placed in a can of paint filled with nails, iron pieces and paper shreds.

Nor Hayati confirmed that she received threats from unknown individuals on May 13, the second such incident after the first one on April 28.



Muhammad Yasifullah Abdul Gani (second from left) and Muhammad Asyraf Che Khalid (second from right) being led to the Sessions Court in Selayang yesterday. PIC BY ASWADI ALIAS

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	TIDAK MENGAKU LAKUKAN KHIANAT
MUKA SURAT	20

# Tidak mengaku lakukan khianat

**Pencuci tayar lori didakwa sabotaj rumah penguat kuasa MPS**

SITI AZIELAH WAHI

SELAYANG

**D**ua pekerja pencuci tayar lori didakwa di Mahkamah Sesyen Selayang di sini semalam atas pertuduhan melakukan khianat dengan api terhadap dua buah kereta milik Pengarah Jabatan Penguat kuasa dan Keselamatan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) minggu lalu.

Kedua-dua tertuduh iaitu Muhammad Yasifullah Abdul Gani, 30, dan

Muhamad Asyraf Che Khalid, 24, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Mengikut pertuduhan mereka bersama seorang lagi yang masih bebas didakwa melakukan khianat dengan api dengan pengetahuan akan menyebabkan kerosakan kepada harta milik Norhayati Ahmad, 40, iaitu dua buah kereta masing-masing jenis Honda HRV dan Honda Odyssey dengan anggaran kerugian RM500.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah Norhayati di Taman Muhibbah, Rawang di sini jam 12.44 pagi pada 13 Mei lalu.

Dakwaan dibuat mengikut Seksyen 435 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 34 akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 14 tahun dan juga



Muhammad Yasifullah (kiri) dan Muhamad Asyraf (kanan) didakwa melakukan khianat dengan api terhadap dua kereta milik Pengarah Jabatan Penguat kuasa dan Keselamatan MPS minggu lepas.

boleh didenda jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Ain Shafie menawarkan ikat jamin RM10,000 masing-masing terhadap kedua-dua

tertuduh.

Bagaimanapun tertuduh, Muhammad Yasifullah yang diwakili peguam Samreet Singh dan Muhamad Asyraf diwakili peguam Azman Abdullah me-

mohon jumlah ikat jamin itu dikurangkan kerana masing-masing hanya bekerja sebagai pencuci tayar lori dan turut menanggung keluarga.

Rasyidah kemudiannya

membenarkan kedua-dua tertuduh masing-masing diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berdekatan setiap awal bulan.

Mereka turut dilarang mengganggu mangsa dan saksi-saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Ahad lalu, akhbar melaporkan Pegawai kanan MPS menerima ancaman daripada individu tidak dikenali apabila kediamannya di Taman Muhibbah dekat sini, dibaling cat dan molotov cocktail.

Mangsa, Norhayati, mengesahkan kejadian 13 Mei lalu itu yang kedua selepas ancaman pertama pada 28 April lalu.

AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	DIDAKWA ROSAKKAN MPV BOS MPS
MUKA SURAT	16

Dua pekerja pencuci tayar lori mengaku tidak bersalah

# Didakwa rosakkan MPV bos MPS

Oleh NUZULSHAM SHAMSUDDIN

**S**ELAYANG – Dua pekerja pencuci tayar lori didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas pertuduhan melakukan khianat dengan api ke atas dua buah kenderaan milik Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) pada minggu lalu.

Tertuduh, Muhammad Yasifullah Abdul Gani, 30, dan Muhamad Asyraf Che Khalid, 24, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan itu di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Mereka bersama-sama dengan seorang lagi yang masih bebas didakwa melakukan khianat dengan menyebabkan kerosakan ke atas kenderaan utiliti su-

kan (SUV) jenis Honda CRV dan kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Honda Odyssey milik Norhayati Ahmad, 40, hingga kerugian RM500.

Perbuatan itu dilakukan dua tertuduh itu di rumah Norhayati di Taman Muhibbah, Rawang di sini pukul 12.44 tengah malam, 13 Mei lalu.

Bagi kesalahan itu, kedua-dua tertuduh berdepan hukuman penjara sehingga 14 tahun dan denda di bawah Seksyen 435 Kanun Keseksaan.

Mahkamah membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin dan perlu melapor diri di balai polis berdekatan setiap bulan selain dilarang mengganggu mangsa serta saksi-saksi pendak-

waan sehingga kes selesai.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Ain Shafie manakala dua tertuduh itu diwakili peguam Samreet Singh dan Azman Abdullah.

Pada Ahad lalu, akhbar melaporkan seorang pegawai kanan MPS menerima ancaman daripada individu tidak dikenali apabila kediamannya di Taman Muhibbah dibaling cat dan bom molotov pada 13 Mei lalu. Kejadian tersebut adalah yang kedua selepas ancaman pertama pada 28 April lalu.

Motif dipercayai kerana tindakan tegas diambil pihak MPS bagi menangani masalah pembuangan sampah di tapak pelupusan haram di Kampung Sungai Tua Batu Caves.



ANGGOTA polis membawa Muhammad Yasifullah (dua dari kiri) dan Muhamad Asyraf selepas mereka didakwa di Mahkamah Sesyen Selayang semalam atas pertuduhan melakukan ugutan dan khianat ke atas kenderaan milik pegawai MPS pada minggu lalu.

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	KHIANAT API
MUKA SURAT	31

# Khianat api

## ■ Dua pencuci tayar lori didakwa sebabkan kerosakan dua kereta milik Pengarah MPS

**Nor Azura Abdul Jalil**  
zura\_jalil@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

**D**ua pencuci tayar lori dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Selangor di sini, atas tuduhan melakukan khianat dengan api terhadap dua kereta milik Pengarah Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan, Majlis Perbandaran Selangor (MPS), 13 Mei lalu.

Bagaimanapun, Muhammad Yasifullah Abdul Gani, 30, dan Muhammad Asyraf Che Khalid, 23, mengaku tidak bersalah sebaik tuduhan terhadap mereka dibacakan di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali.

Mengikut kertas pertuduhan, mereka didakwa bersama-sama dengan seorang yang masih bebas melakukan khianat dengan api dengan niat sedemikian dalam pengetahuan mungkin akan menyebabkan kerosakan

kepada harta Nor Hayati Ahmad, 40, iaitu dua kereta dengan anggaran kerugian RM500.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di kediaman Nor Hayati di Taman Muhibbah, Rawang pada jam 12.44 pagi, 13 Mei lalu.

Bagi pertuduhan itu, mereka didakwa mengikut Seksyen 435, Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 14 tahun dan denda jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Ain Shafie menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin terhadap kedua-dua tertuduh.

Peguam Samreer Singh yang mewakili Muhammad Yasifullah dan peguam Azman Abdullah yang mewakili Muhammad Asyraf me-

mohon mahkamah memberikan jaminan rendah kepada kedua-dua tertuduh atas alasan mereka menyara keluarga.

Mahkamah kemudian membenarkan kedua-dua tertuduh masing-masing diikat jamin RM8,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan perlu melapor diri di balai polis berdekatan dan dilarang menganggu mangsa dan saksi pendakwaan. Sebutan semula kes ditetapkan pada 25 Jun ini.

Media sebelum ini melaporkan pegawai kanan MPS itu menerima ancaman daripada individu tidak dikenali apabila kediamannya di Taman Muhibbah, dibaling cat dan molotov cocktail.

Nor Hayati mengesahkan kejadian pada 13 Mei lalu itu adalah yang kedua selepas ancaman pertama pada 28 April lalu.

### FAKTA

Nor Hayati mengesahkan kejadian 13 Mei lalu adalah yang kedua

AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	KHIANAT API
MUKA SURAT	31

